



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN

KUPASAN MUTU JAWAPAN

Sijil Pelajaran Malaysia
Tahun 2023

Matematik Tambahan
Kertas 1
3472/1



1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	3472/1
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	80 Markah
Masa	:	2 Jam

1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A : Mengandungi **12** soalan. Semua soalan wajib dijawab.
Jumlah markah yang diperuntukkan ialah **64 markah**.

Bahagian B : Mengandungi **3** soalan. Calon perlu menjawab **2** soalan.
Jumlah markah yang diperuntukkan ialah **16 markah**.

2.0 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

2.1 PRESTASI CALON

2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Prestasi keseluruhan calon adalah sederhana. Calon menghadapi masalah untuk menjawab soalan yang terhad kepada suatu kaedah penyelesaian sahaja. Calon juga menghadapi kesulitan dalam menjawab soalan bukan rutin.

2.1.2 PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Prestasi Tinggi

Secara keseluruhannya, calon mempunyai pemahaman yang baik terhadap konsep matematik yang diuji. Calon dapat menginterpretasi soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan baik. Calon mampu mentafsir maklumat serta menggunakan data daripada jadual, graf dan rajah dengan betul. Di samping itu, mereka mampu mengenal pasti kaedah penyelesaian masalah dan menggunakan rumus yang betul untuk mendapatkan jawapan yang lengkap, tepat dan jitu. Penyampaian dan penyusunan langkah kerja calon adalah teratur dan sistematik.

Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon menguasai konsep matematik dengan baik apabila menjawab soalan rutin. Walau bagaimanapun, majoriti calon menghadapi kesulitan dalam menjawab soalan bukan rutin, soalan yang terhad kepada suatu kaedah penyelesaian sahaja dan soalan KBAT. Mereka membuat kesilapan semasa melakukan operasi aritmetik atau penggantian.

2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

Soalan 1 (a)

1 Diberi bahawa empat sebutan berturutan bagi suatu jujukan ialah 50, 45, x dan y .

Nyatakan nilai bagi

It is given that four consecutive terms of a sequence are 50, 45, x and y .

State the value of

(a) $y - x$ jika jujukan itu ialah jangjang aritmetik,

$y - x$ if the sequence is an arithmetic progression,

Calon dikehendaki menyatakan nilai $y - x$ dengan menggunakan konsep beza sepunya daripada jangjang aritmetik.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(a)} \quad 45 - 50 &= x - 45 & 40 - 45 &= y - 40 \\ -5 &= x - 45 & -5 &= y - 40 \\ x &= 40 & y &= 35 \\ y - x &= 35 - 40 \\ &= -5 \end{aligned}$$

Calon dapat mengenal pasti nilai $y - x$ ialah beza sepunya iaitu $d = y - x = T_2 - T_1$.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{value of } x &= 45 - 5 = 40 \\ \text{value of } y &= 40 - 5 = 35 \end{aligned}$$

$$x = 40$$

$$y = 35$$

$$\begin{aligned} &= x - y = \\ &= 40 - 35 = 5 \end{aligned}$$

Calon boleh menentukan nilai x dan y tetapi melakukan kecuaiian semasa menentukan nilai beza sepunya, $y - x$.

Soalan 1 (b)

(b) $\frac{y}{x}$ jika jujukan itu ialah jujukan geometri.

$\frac{y}{x}$ if the sequence is a geometric progression.

Calon dikehendaki menyatakan nilai $\frac{y}{x}$ dengan menggunakan konsep nisbah sepunya daripada jujukan geometri.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} (b) \quad \frac{45}{50} &= \frac{x}{45} & \frac{40.5}{45} &= \frac{y}{40.5} \\ \frac{9}{10} \times \frac{x}{45} & & \frac{9}{10} \times \frac{y}{40.5} & \\ 10x &= 9(45) & 10y &= 364.5 \\ 10x &= 405 & y &= 36.45 \\ x &= 40.5 & & \\ \frac{y}{x} &= \frac{36.45}{40.5} & & \\ &= \frac{9}{10} // 0.9 & & \end{aligned}$$

Calon dapat mengenal pasti nilai $\frac{y}{x}$ ialah nisbah sepunya iaitu $r = \frac{y}{x} = \frac{T_2}{T_1}$.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} (a) \quad x &= 40 \quad y = 35 \\ &= y - x \\ &= 35 - 40 = -5 \end{aligned}$$


$$\begin{aligned} (b) \quad &= \frac{y}{x} \\ &= \frac{35}{40} = \frac{7}{8} \end{aligned}$$

Calon melakukan kesilapan iaitu menggunakan nilai x dan y di jawapan bahagian (a) untuk menjawab soalan di bahagian (b).

Soalan 2 :

2 Rajah 1 menunjukkan dua garis lurus.

Diagram 1 shows two straight lines.



Rajah 1
Diagram 1

Cari nilai q .

Find the value of q .

Calon dikehendaki mencari kecerunan garis lurus yang berserenjang dengan garis lurus $\frac{x}{6} + \frac{y}{p} = 1$.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\frac{x}{6} + \frac{y}{p} = 1$$

$$px + by = bp.$$

$$by = -px + bp.$$

$$y = -\frac{p}{b}x + p.$$

(y-intercept = 2).

$$p = 2.$$

$$y = -\frac{2}{b}x + 2$$

$$y = -\frac{1}{3}x + 2.$$

$$y = -\frac{1}{3}x + 2 \text{ perpendicular to } y = qx$$

$$m_1 m_2 = -1$$

$$-\frac{1}{3}(q) = -1$$

$$q = 3$$

Calon dapat mengenal pasti p ialah pintasan- y dan mencari kecerunan garis lurus $\frac{x}{6} + \frac{y}{p} = 1$. Seterusnya, calon menggunakan rumus $m_1 m_2 = -1$ untuk menentukan nilai q .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\frac{y}{p} = -\frac{x}{6} + 1$$

$$y = -\frac{px}{6} + \frac{1}{p}$$

$$\frac{1}{p} = 2$$

$$p = \frac{1}{2}$$

$$m = -\frac{1}{6}$$

$$= -\frac{1}{12}$$

$$-\frac{1}{12} \times m = -1$$

$$m = 12$$


$$y = 12x$$
$$q = 12$$

Calon dapat menunjukkan langkah-langkah penyelesaian dengan betul. Namun, calon membuat kesilapan aritmetik semasa menukar persamaan garis lurus bentuk pintasan kepada bentuk kecerunan.

Soalan 3 (a)

- 3 Rajah 2 menunjukkan dua garis lurus, L_1 dan L_2 , yang dilukis berdasarkan lima titik yang diplotkan pada satah $\frac{1}{y}$ melawan x^2 .

Diagram 2 shows two straight lines, L_1 and L_2 , drawn based on five plotted points on a plane $\frac{1}{y}$ against x^2 .



Rajah 2
Diagram 2

- (a) Garis lurus manakah merupakan garis lurus penyuaiian terbaik yang sesuai? Beri sebab kepada jawapan anda.

Which straight line is a suitable line of best fit? Give a reason for your answer.

Calon dikehendaki membanding dan memilih garis lurus penyuaiian terbaik yang sesuai berdasarkan rajah. Seterusnya, calon perlu memberi sebab yang munasabah.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

9) L_1 is a suitable line of best fit. The line connects two point and the end of the two points are nearer to the line.

Calon dapat membanding dan mengenal pasti garis lurus penyuaiian terbaik yang lebih sesuai dan memberi sebab yang munasabah, iaitu membuat perkaitan di antara jarak titik-titik dengan garis.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(a) L_1 . Menyjang lebih banyak titik.

Calon dapat mengenal pasti garis lurus penyuaiian terbaik yang betul tetapi sebab yang diberikan kurang tepat.

Soalan 3 (b)

- (b) Diberi bahawa (10, 9) terletak pada garis lurus penyuaian terbaik itu, ungkapkan y dalam sebutan x .

Given that (10, 9) lies on the line of best fit, express y in terms of x .

Calon dikehendaki menggunakan titik (6, 7) dan titik (10, 9) untuk mencari kecerunan. Kemudian, calon perlu membentuk persamaan linear. Seterusnya, calon perlu mengungkapkan y dalam sebutan x .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{array}{l} 3b) \quad \frac{1}{y} = mx^2 + c \\ \text{Gradient} = \frac{9-7}{10-6} \\ = \frac{1}{2} \end{array} \quad \begin{array}{l} Y = mX + C \\ \cancel{9 = \frac{1}{2}(10) + C} \\ 9 = \frac{1}{2}(10) + C \\ C = 4 \end{array} \quad \begin{array}{l} \therefore \frac{1}{y} = \frac{1}{2}x^2 + 4 \\ \frac{1}{y} = \frac{x^2 + 8}{2} \\ y = \frac{2}{x^2 + 8} \end{array}$$

Calon dapat mencari kecerunan dengan menggunakan titik-titik yang betul. Calon dapat mengkaitkan Y dengan $\frac{1}{y}$ dan X dengan x^2 . Calon dapat mencari nilai c dari persamaan linear dan seterusnya mengungkapkan y dalam sebutan x .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana


$$\begin{array}{l} (b) \quad m = \frac{7-4}{6-2} \\ m = \frac{3}{4} \\ \frac{1}{y} = \frac{3}{4}x^2 + c \\ 7 = \frac{3}{4}(6) + c \end{array} \quad \begin{array}{l} 7 = \frac{9}{2} + c \\ c = \frac{5}{2} \\ \frac{1}{y} = \frac{3}{4}x^2 + \frac{5}{2} \end{array} \quad \begin{array}{l} y = \frac{4}{3x^2} + \frac{2}{5} \end{array}$$

Calon menggunakan titik yang salah untuk mencari kecerunan. Calon faham penggunaan $Y = mX + c$ untuk mencari persamaan linear. Calon juga tidak berjaya untuk mengungkapkan y dalam sebutan x .

Soalan 4 (a)

4 Rajah 3 menunjukkan titik A yang terletak pada lilitan sebuah bulatan unit.

Diagram 3 shows point A lies on the circumference of a unit circle.



Rajah 3
Diagram 3


Ungkapkan dalam sebutan p dan / atau q bagi

Express in terms of p and / or q of

(a) $\tan \beta$,

Calon dikehendaki mengungkapkan $\tan \beta$ dalam sebutan p dan / atau q .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi



$$(a) \tan \beta = \frac{p}{q}$$

Calon dapat mengenalpasti β ialah sudut tirus dan seterusnya dapat mengungkapkan $\tan \beta$ dalam sebutan p dan q .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\tan \beta = \frac{(-p)}{(q)}$$

$$\tan \beta = \frac{-p}{q}$$

Calon menganggap β berada pada sukuan kedua. Maka, calon membuat kesilapan dengan meletakkan tanda negatif.

Soalan 4 (b)

$$(b) \cot(180^\circ + \beta).$$
$$\cot(180^\circ + \beta).$$

Calon dikehendaki mengungkapkan $\cot(180^\circ + \beta)$ dalam sebutan p dan q .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$(b) \cot(180^\circ + \beta) = \frac{1}{\tan(180^\circ + \beta)}$$
$$= \frac{1}{\left(\frac{\tan 180^\circ + \tan \beta}{1 - \tan 180^\circ \tan \beta} \right)}$$
$$= \frac{1}{\tan \beta}$$
$$= \frac{1}{\left(\frac{p}{q} \right)}$$
$$\cot(180^\circ + \beta) = \frac{q}{p}$$

Calon dapat menggunakan rumus sudut majmuk dan seterusnya menggantikan jawapan daripada bahagian (a) untuk mengungkapkan $\cot(180^\circ + \beta)$ dalam sebutan p dan q .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana


$$b) \tan 180^\circ = 0$$
$$\tan \beta = \frac{-p}{q}$$
$$\cot(180^\circ + \beta) = \frac{1}{\tan(180^\circ + \beta)}$$
$$= \frac{1}{\left(\frac{\tan 180^\circ + \tan \beta}{1 - \tan 180^\circ \tan \beta} \right)}$$
$$= \frac{1 - \tan 180^\circ \tan \beta}{\tan 180^\circ + \tan \beta}$$
$$\left. \begin{array}{l} \\ \\ \\ \end{array} \right\} = \frac{1 - (0)\left(\frac{-p}{q}\right)}{(0) + \frac{-p}{q}}$$
$$= \frac{1}{\left(\frac{-p}{q}\right)}$$
$$= \frac{-q}{p}$$

Calon dapat menggunakan rumus sudut majmuk dengan baik. Calon menggantikan jawapan daripada bahagian (a) yang salah untuk mengungkapkan $\cot(180^\circ + \beta)$ dalam sebutan p dan q .

Soalan 5

5 Rajah 4 menunjukkan tiga titik pada suatu satah Cartes.

Diagram 4 shows three points on a Cartesian plane.



Rajah 4
Diagram 4

(a) Nyatakan \overrightarrow{SP} .

State \overrightarrow{SP} .

Calon dikehendaki menyatakan vektor \overrightarrow{SP} .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{(a) } \overrightarrow{SP} &= \overrightarrow{SO} + \overrightarrow{OP} \\ &= -\underset{\sim}{i} - 2\underset{\sim}{j} + (-\underset{\sim}{i} + 5\underset{\sim}{j}) \\ &= -2\underset{\sim}{i} + 3\underset{\sim}{j} \end{aligned}$$

Calon mewakili vektor kedudukan dan seterusnya dapat membuat penambahan vektor dengan menggunakan Hukum Segi Tiga untuk menghasilkan vektor paduan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{(a) } \overrightarrow{SP} &= \begin{pmatrix} 1 \\ 2 \end{pmatrix} + \begin{pmatrix} -1 \\ 5 \end{pmatrix} \\ &= \begin{pmatrix} 0 \\ 7 \end{pmatrix} \\ &= 7\underset{\sim}{j} \end{aligned}$$

Calon membuat kesilapan dalam mewakili vektor kedudukan dalam satah Cartes.

Soalan 5 (b)(i)

(b) Diberi bahawa $\overline{PQ} = 5\mathbf{i} + m\mathbf{j}$.

It is given that $\overline{PQ} = 5\mathbf{i} + m\mathbf{j}$.

(i) Jika $\overline{SP} + 3\overline{PQ} = 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j}$, cari nilai m dengan menggunakan operasi aritmetik vektor.

If $\overline{SP} + 3\overline{PQ} = 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j}$, find the value of m by using vector's arithmetic operations.

Calon perlu mencari nilai m dengan menggunakan operasi aritmetik vektor.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} (b) \quad (i) \quad \vec{SP} + 3\vec{PQ} &= 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j} \\ -2\mathbf{i} + 3\mathbf{j} + 3(5\mathbf{i} + m\mathbf{j}) &= 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j} \\ -2\mathbf{i} + 3\mathbf{j} + 15\mathbf{i} + 3m\mathbf{j} &= 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j} \\ 13\mathbf{i} + (3+3m)\mathbf{j} &= 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j} \\ 3+3m &= 15 \\ m &= 4 \end{aligned}$$

Calon dapat melaksanakan operasi aritmetik vektor dan membuat perbandingan pekali untuk mendapatkan nilai m .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} (b) \quad (i) \quad 7\mathbf{j} + 3(5\mathbf{i} + m\mathbf{j}) &= 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j} \\ 7\mathbf{j} + 15\mathbf{i} + 3m\mathbf{j} &= 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j} \\ 15\mathbf{i} + (7+3m)\mathbf{j} &= 13\mathbf{i} + 15\mathbf{j} \\ 7+3m &= 15 \\ 3m &= 8 \\ m &= \frac{8}{3} \end{aligned}$$

Calon dapat melaksanakan operasi aritmetik vektor dengan betul walaupun menggunakan jawapan dari bahagian (a) yang salah.

Soalan 5 (b)(ii)

(ii) Seterusnya, tentukan vektor unit dalam arah \overrightarrow{PQ} .

Hence, determine the unit vector in the direction of \overrightarrow{PQ} .

Seterusnya, calon dikehendaki menentukan vektor unit dalam arah \overrightarrow{PQ} .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{ii) } \quad \hat{PQ} &= \frac{5\hat{i} + 4\hat{j}}{\sqrt{5^2 + 4^2}} \\ &= \frac{5}{\sqrt{41}}\hat{i} + \frac{4}{\sqrt{41}}\hat{j} \\ &= \frac{5\sqrt{41}}{41}\hat{i} + \frac{4\sqrt{41}}{41}\hat{j} \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan rumus vektor unit dalam arah \overrightarrow{PQ} dan memberikan jawapan dalam sebutan xi dan yj .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana


$$\begin{aligned} \text{ii) } \quad \hat{PQ} &= \frac{5\hat{i} + \frac{8}{3}\hat{j}}{\sqrt{5^2 + \left(\frac{8}{3}\right)^2}} \\ \hat{PQ} &= \frac{5\hat{i} + \frac{8}{3}\hat{j}}{\frac{17}{3}} \end{aligned} \quad \begin{aligned} \hat{PQ} &= \frac{5\hat{i}}{\frac{17}{3}} + \frac{\frac{8}{3}\hat{j}}{\frac{17}{3}} \\ \hat{PQ} &= \frac{15}{17}\hat{i} + \frac{8}{17}\hat{j} \end{aligned}$$

Calon dapat mencari vektor unit dalam arah \overrightarrow{PQ} dengan menggunakan vektor \overrightarrow{PQ} yang diperoleh daripada bahagian b (i).

Soalan 6 (a)

- 6 (a) Rajah 5 menunjukkan graf bagi fungsi $f(x) = |x-3|+1$ untuk domain $-2 \leq x \leq 7$.

Diagram 5 shows the graph of the function $f(x) = |x-3|+1$ for domain $-2 \leq x \leq 7$.



Rajah 5
Diagram 5

Cari nilai objek yang satu lagi bagi h .

Find the value of the other object of h .

Calon dikehendaki menentukan nilai objek yang satu lagi bagi h dengan berdasarkan fungsi nilai mutlak dan rajah yang diberikan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{array}{l} 6a) \quad f(x) = |x-3|+1 \\ f(7) = h \\ |7-3|+1 = h \\ \Rightarrow |4|+1 = h \\ 4+1 = h \\ h = 5 \end{array} \quad \begin{array}{l} f(x) = 5 \\ |x-3|+1 = 5 \\ |x-3| = 4 \\ x-3 = \pm 4 \\ x-3 = 4 \quad x-3 = -4 \\ x = 4+3 \quad x = -4+3 \\ x = 7 \quad x = -1 \\ \text{(ignore)} \end{array}$$

Calon dapat mencari nilai h dengan menggantikan nilai 7 (iaitu salah satu objek bagi h yang diberi pada rajah). Seterusnya, calon menggunakan nilai h yang diperoleh dan selesaikan persamaan yang melibatkan nilai mutlak. Calon juga boleh membuat keputusan nilai objek yang sepatutnya dipilih.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Contoh 1:

$$f(u) = |u-3| + 1$$

$$f(u) = 10 - 3 + 1$$

$$h = |1-3| + 1$$

$$h = 4$$

$$4 = |u-3| + 1$$

$$3 = |u-3|$$

$$\pm 3 = u-3$$

when

$$u-3 = 3$$

$$u = 6$$

$$u-3 = -3$$

$$u = 0 \text{ (ignore)}$$

Calon melakukan kesilapan menginterpretasi rajah dengan menganggap nilai objek ialah 0 pada titik h .

Contoh 2:

$$(a) f(x) = |x-3| + 1$$

$$h = x-3 + 1$$

$$h = 7-3 + 1$$

$$h = 5$$

Calon hanya mencari nilai h kerana beranggapan nilai h ialah objek yang patut dicari.

Soalan 6 (b) (i)

(b) Diberi bahawa fungsi $f : x \rightarrow 4x - 1$ dan $g : x \rightarrow 2x + 3$, cari

Given that the functions $f : x \rightarrow 4x - 1$ and $g : x \rightarrow 2x + 3$, find

(i) nilai p jika $f^{-1}(p) = 2$,

the value of p if $f^{-1}(p) = 2$,

Calon dikehendaki menyelesaikan persamaan berdasarkan fungsi-fungsi yang diberi.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{d) i) } f(x) &= 4x - 1 & f^{-1}(p) &= \frac{p+1}{4} = 2 \\ \text{let } f(x) &= y & & \\ y &= 4x - 1 & \frac{p+1}{4} &= 2 \\ y+1 &= 4x & p+1 &= 8 \\ x &= \frac{y+1}{4} & p &= 7 \\ f^{-1}(x) &= \frac{x+1}{4} & & \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan konsep fungsi songsang dan menggantikan p sebagai objek, seterusnya selesaikan persamaan yang diberi.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Contoh 1:

$$\begin{aligned} (b)(i) \quad f^{-1}(4n-1) &= n \\ \text{Let } y &= 4n-1 \\ y+1 &= 4n \\ \frac{y+1}{4} &= n \\ f^{-1}(n) &= \frac{n+1}{4} \\ f^{-1}(p) &= \frac{p+1}{4} \\ 2 &= \frac{p+1}{4} \\ 8 &= p+1 \\ 9 &= p \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan konsep fungsi songsang tetapi cuai dalam operasi aritmetik.

Contoh 2:

$$\begin{aligned} i) \quad f: x &\rightarrow 4x-1 & p &= \frac{2+1}{4} \\ \text{Let } y &= x & &= \frac{3}{4} \\ x &= 4y-1 \\ y &= \frac{x+1}{4} \\ f^{-1}(x) &= \frac{x+1}{4} \\ \cancel{f^{-1}(x)} & & & \\ f^{-1}(p) &= 2 & & \\ \mathbf{x} & & & \end{aligned}$$

Calon boleh menggunakan konsep fungsi songsang tetapi melakukan kesilapan dalam menentukan objek dan imej bagi fungsi.

Soalan 6 (b) (ii)

(ii) nilai x jika $fg(x) = 5f(2)$.

the value of x if $fg(x) = 5f(2)$.

Calon dikehendaki menyelesaikan persamaan berdasarkan fungsi-fungsi yang diberi.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{ii) } fg(x) &= 4(2x+3) - 1 & fg(x) &= 5f(2) \\ fg(x) &= 8x + 12 - 1 & 8x + 11 &= 5(7) \\ fg(x) &= 8x + 11 & 8x + 11 &= 35 \\ & & 8x &= 24 \\ & & x &= 3 \end{aligned}$$
$$\begin{aligned} f(x) &= 4x - 1 \\ f(2) &= 4(2) - 1 \\ f(2) &= 7 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan konsep fungsi gubahan $fg(x)$ dan selesaikan persamaan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{ii) } fg(x) &= 2(4x - 1) + 3 \\ &= 8x - 2 + 3 \\ &= 8x + 1 \end{aligned}$$


$$\begin{aligned} fg(x) &= 5f(2) \\ 8x + 1 &= 5(4(2) - 1) \\ 8x + 1 &= 5(8 - 1) \\ 8x + 1 &= 40 - 5 \\ 8x &= 34 \\ x &= \frac{17}{4} \end{aligned}$$

Calon melakukan kesilapan ketika mencari fungsi gubahan $fg(x)$. Sebaliknya, calon mencari $gf(x)$.

Soalan 7 (a)

7 (a) Rajah 6 menunjukkan satu lengkung dan tangen kepada lengkung itu.

Diagram 6 shows a curve and a tangent to the curve.



Rajah 6
Diagram 6

Ungkapkan p dalam sebutan c .

Express p in terms of c .

Calon dikehendaki mengungkapkan p dalam sebutan c dengan menggunakan rumus pembezaan atau konsep kecerunan tangen dalam pembezaan.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Contoh 1:

$$-2x^2 + 3x + p = -x + c$$

$$0 = 2x^2 - 3x - x - p + c$$

$$0 = 2x^2 - 4x - p + c$$

$$b^2 - 4ac = 0$$

$$(-4)^2 - 4(2)(-p+c) = 0$$

$$16 + 8p - 8c = 0$$

$$8p = 8c - 16$$

$$p = c - 2$$

Calon menyamakan persamaan garis lengkung dan garis lurus lalu permudahkan sehingga bentuk am persamaan kuadratik. Calon menggunakan rumus $b^2 - 4ac = 0$. Seterusnya, calon memberi jawapan dengan menjadikan p sebagai perkara rumus.

Contoh 2:

$$y = -2x^2 + 3x + p.$$

$$\frac{dy}{dx} = -4x + 3$$

$$-4x + 3 = -1.$$

$$-4x = -4.$$

$$x = 1.$$

$$y = -2(1)^2 + 3(1) + p. \quad y = -c + c$$

$$y = 1 + p. \quad y = -1 + c.$$

$$1 + p = -1 + c.$$

$$p = c - 2$$

Calon mencari fungsi kecerunan lengkung dan menyamakan dengan kecerunan garis lurus untuk mencari nilai x . Calon menggantikan nilai x ke dalam kedua-dua persamaan dan seterusnya mengungkapkan p dalam sebutan c .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Contoh 1:

$$-2x^2 + 3x + p = -x + c$$

$$-2x^2 + 3x + x = c - p$$

$$-2x^2 + 4x - c = -p$$

$$p = 2x^2 - 4x + c$$

Calon menyamakan kedua-dua persamaan garis lengkung dan garis lurus dengan betul. Namun, calon terus menjadikan p sebagai perkara rumus tanpa menggunakan rumus pembeza.

Contoh 2:

$$-2u^2 + 3u + p = -u + c$$

$$\frac{dy}{dx} = -4u + 3$$

$$0 = -4u + 3$$

$$4u = 3$$

$$u = \frac{3}{4}$$

$$-2\left(\frac{3}{4}\right)^2 + 3\left(\frac{3}{4}\right) + p = -\left(\frac{3}{4}\right) + c$$

$$p + \frac{9}{8} = -\frac{3}{4} + c$$

$$p = c - \frac{15}{8}$$

Calon membuat kesilapan dengan menyamakan fungsi kecerunan dengan nilai sifar.

Soalan 7 (b)

(b) Cari julat nilai x bagi $(x+1)(-3x-3) < x-1$ dengan menggunakan kaedah jadual.

Find the range of values of x for $(x+1)(-3x-3) < x-1$ by using the table method.

Calon dikehendaki menyelesaikan ketaksamaan kuadratik dengan menggunakan kaedah jadual.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(b) $(x+1)(-3x-3) < x-1$

$$-3x^2 - 3x - 3x - 3 < x - 1$$

$$-3x^2 - 6x - 3 - x + 1 < 0$$

$$-3x^2 - 7x - 2 < 0$$

$$3x^2 + 7x + 2 > 0$$

$$(3x+1)(x+2) > 0$$

$$\begin{aligned} 3x+1 &= 0 & x+2 &= 0 \\ 3x &= -1 & \text{or } x &= -2 \\ x &= -\frac{1}{3} \end{aligned}$$

	$x < -2$	$-2 < x < -\frac{1}{3}$	$x > -\frac{1}{3}$
$3x+1$	-	-	+
$x+2$	-	+	+
$(3x+1)(x+2)$	+	-	+


$$x < -2$$

$$x > -\frac{1}{3}$$

Calon membina jadual yang lengkap dengan julat, punca-punca dan tanda (positif atau negatif) yang betul. Seterusnya, calon memberikan jawapan yang tepat berdasarkan $f(x) > 0$.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned}(b) \quad & (x+1)(-3x-3) < x-1 \\ & -3x^2 - 3x - 3x - 3 < x-1 \\ & -3x^2 - 6x - 3 < x-1 \\ & -3x^2 - 7x - 2 < 0 \\ & 3x^2 + 7x + 2 > 0 \\ & (3x+1)(x+2) > 0 \\ & 3x+1=0 \quad x+2=0 \\ & x=-\frac{1}{3} \quad x=-2\end{aligned}$$



$$x < -2 \text{ or } x > -\frac{1}{3}$$

Calon memberikan jawapan yang betul tetapi tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dalam soalan kerana menggunakan kaedah graf untuk menyelesaikan ketaksamaan kuadratik.

Soalan 7 (c)

(c) Diberi bahawa p dan $2p$ ialah punca-punca bagi persamaan kuadratik $2x^2 + 6x + 4p^2 = 0$.

Cari persamaan kuadratik yang mempunyai punca $(p-1)$ dan $(p+1)$.

It is given that p and $2p$ are the roots of the quadratic equation $2x^2 + 6x + 4p^2 = 0$.

Find the quadratic equation with roots $(p-1)$ and $(p+1)$.

Calon dikehendaki menggunakan rumus Hasil Tambah Punca (HTP) dan Hasil Darab Punca (HDP) untuk membentuk persamaan kuadratik yang baharu.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} (c) \quad 2x^2 + 6x + 4p^2 &= 0 \\ \text{SOR} &= p + 2p = 3p = \frac{-6}{2} \\ \text{SOR} &= 3p = -3 \\ p &= -1 \\ \text{POR} &= \frac{4p^2}{2} = 2p^2 = \frac{4}{2} \\ \text{POR} &= 2p^2 = 2 \\ p &= \pm\sqrt{\frac{2}{2}} \\ p &= \pm 1 \\ p_1 &= -1, \quad p_2 = 1 \text{ (rejected)} \\ &\text{(Selected)} \\ \text{New SOR} &= p-1+p+1 \\ &= 2p \\ \text{New POR} &= (p-1)(p+1) \\ &= p^2-1 \\ \text{New equation; } x^2 - 2px + p^2 - 1 &= 0 \\ &\text{Substitute } p = -1; \\ \text{New equation;} & \\ x^2 - 2(-1)x + (-1)^2 - 1 &= 0 \\ x^2 + 2x + 1 - 1 &= 0 \\ x^2 + 2x &= 0 \end{aligned}$$

Calon menggunakan rumus HTP dan HDP untuk mencari nilai p . Seterusnya, calon menggantikan nilai p yang diperoleh ke dalam persamaan $x^2 - \text{HTP } x + \text{HDP} = 0$.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{c) } (x-p)(x-2p) &= x^2 - px - 2px + 2p^2 \\ &= x^2 - 3px + 2p^2 \end{aligned}$$

$$x^2 - 3px + 2p^2 = 2x^2 + 6x + 4p^2$$

$$2x^2 - 6px + 4p^2 = 2x^2 + 6x + 4p^2$$

$$-6px = 6x$$

$$p = -1$$

$$(p-1) = -1 - 1 = -2$$

$$(x - (-2))(x - 0)$$

$$= (x+2)(x)$$

$$(p+1) = -1 + 1$$

$$= 0$$

$$= x^2 + 2x$$

Calon mencari nilai p dengan membuat perbandingan persamaan kuadratik yang dibentuk. Calon dapat mencari nilai HTP dan HDP yang baharu dengan tepat. Namun, calon tidak menulis persamaan kuadratik yang baharu dengan betul.


Soalan 8 (a)

- 8 Menyenaikan semua sebutan bagi jujukan adalah **tidak** diterima.

*Listing out all terms of the sequence is **not** accepted.*

Bongkah kayu berbentuk silinder dipotong kepada bahagian-bahagian untuk dijadikan perhiasan. Rajah 7 menunjukkan tiga bahagian pertama yang telah dipotong dan bahagian yang tinggal.

A cylindrical wooden block is cut into pieces for decoration purposes. Diagram 7 shows the first three pieces that have been cut and the remaining part.



Rajah 7
Diagram 7

Sudut sektor meningkat dengan nilai malar untuk setiap bahagian berikutnya. Sejumlah n bahagian boleh dipotong daripada bongkah itu. Sudut sektor bahagian ke-4 adalah 3 kali sudut sektor bahagian terkecil. Jumlah sudut sektor bagi 4 bahagian pertama ialah 72° .

The angles of the sectors increase by a constant amount for each subsequent piece. A total of n pieces can be cut from this block. The angle of sector of the 4th piece is 3 times the angle of sector of the smallest piece. The sum of the angles of the sectors for the first 4 pieces is 72° .

Cari

Find

- (a) sudut sektor, dalam darjah, bahagian terkecil,
the angle of the sector, in degrees, for the smallest piece,

Calon perlu menggunakan rumus T_n dan S_n dan seterusnya menyelesaikan persamaan linear serentak untuk mencari sudut sektor, dalam darjah, bahagian terkecil.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$9) S_4 = 72^\circ$$

$$\frac{n}{2} [2a + (n-1)d] = 72^\circ$$

$$2 [2a + (3d)] = 72^\circ$$

$$4a + 6d = 72^\circ \text{---} \textcircled{1}$$

Ganti $\textcircled{1}$ ke $\textcircled{1}$

$$4\left(\frac{3}{2}d\right) + 6d = 72$$

$$6d + 6d = 72$$

$$12d = 72$$

$$d = 6$$

Ganti $d = 6$ ke $\textcircled{1}$

$$\frac{3}{2}(6) = a$$

$$\cancel{a = 9^\circ} \quad a = 9^\circ$$

The smallest piece angle = 9° .

$$T_4 = 3T_1$$

$$a + (4-1)d = 3a$$

$$3d = 2a \text{---} \textcircled{1}$$

$$\cancel{\frac{3}{2}d = a \text{---} \textcircled{2}}$$

$$\frac{3}{2}d = a \text{---} \textcircled{3}$$

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Jawapan / Answer :

$$\begin{aligned} a) T_4 &= 3 T_1 & T_4 &= a + (4-1)d \\ & & &= a + 3d \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} T_1 &= a + (1-1)(d) & a + 3d &= 30 \rightarrow \textcircled{1} \\ &= a & 2a &= 3d \\ T_4 &= 30 & a &= \frac{2}{3}d \rightarrow \textcircled{2} \end{aligned}$$

$$S_4 = \frac{4}{2} [2a + (4-1)d]$$

$$72 = 2 [2a + 3d]$$

$$36 = 2a + 3d \rightarrow \textcircled{3}$$

Sub $\textcircled{2}$ into $\textcircled{3}$

$$36 = 2\left(\frac{2}{3}d\right) + 3d$$

$$36 = \frac{4}{3}d + 3d$$

$$36 = \frac{13}{3}d$$

$$108 = 13d$$

$$d = \frac{108}{13} = 8.307 \rightarrow \textcircled{4}$$

Sub $\textcircled{4}$ into $\textcircled{2}$

$$\begin{aligned} a &= \frac{2}{3}(8.307) \\ &= 5.538 \end{aligned}$$

Calon dapat mentafsir maklumat soalan dan membentuk dua persamaan linear serentak dengan menggunakan rumus T_n dan S_n untuk jangjang aritmetik. Calon melakukan kesilapan operasi aritmetik dengan menyatakan $a = \frac{2}{3}d$, yang sepatutnya $a = \frac{3}{2}d$.

Soalan 8 (b)

(b) nilai n .

the value of n .

Calon perlu menggunakan rumus $S_n = 360^\circ$ dan seterusnya selesaikan persamaan kuadratik untuk mencari nilai n .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} b) S_n &= 360^\circ \\ \frac{n}{2} [2a + (n-1)d] &= 360^\circ \\ \frac{n}{2} [2(9) + (n-1)(6)] &= 360^\circ \\ \frac{n}{2} [18 + 6n - 6] &= 360^\circ \\ 9n + 3n^2 - 3n &= 360 \\ 3n^2 - 3n + 9n &= 360 \\ 3n^2 + 6n - 360 &= 0 \\ n^2 + 2n - 120 &= 0 \\ (n-10)(n+12) &= 0 \\ n=10 \quad n=-12 \\ \therefore n &= 10 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan rumus $S_n = 360^\circ$ dan menyelesaikan persamaan kuadratik untuk mendapat nilai n .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} (b) S_n &= 360^\circ \\ \frac{n}{2} [2(9^\circ) + (n-1)(6^\circ)] &= 360^\circ \\ 18^\circ + 6^\circ n - 6^\circ &= 360^\circ \times \frac{2}{n} \\ 12^\circ + 6^\circ n &= \frac{720^\circ}{n} \\ (12^\circ + 6^\circ n) n &= 720^\circ \\ 12^\circ n + 6^\circ n^2 &= 720^\circ \\ 6^\circ n^2 + 12^\circ n - 720^\circ &= 0 \\ n = -12, n = 10 \\ \therefore n &= 10 \end{aligned}$$

Calon dapat menggunakan rumus $S_n = 360^\circ$ tetapi tidak menunjukkan langkah penyelesaian untuk mencari punca-punca persamaan kuadratik.

Soalan 9 (a)

9 (a) Diberi bahawa $2^x = 8^y = \sqrt{2^{3z}}$, cari $x : y : z$.

Given that $2^x = 8^y = \sqrt{2^{3z}}$, find $x : y : z$.

Calon dikehendaki mencari nisbah $x : y : z$.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

(a) $2^x = 8^y$	$2^x = \sqrt{2^{3z}}$	$x : y : z$
$2^x = (2^3)^y$	$2^x = (2^{3z})^{\frac{1}{2}}$	$3 : 1$
$2^x = 2^{3y}$	$2^x = 2^{\frac{3}{2}z}$	$3 : 2$
$x = 3y$	$x = \frac{3}{2}z$	<hr/>
$\frac{x}{y} = \frac{3}{1}$	$\frac{x}{z} = \frac{3}{2}$	$3 : 1 : 2$
$x : y = 3 : 1$	$x : z = 3 : 2$	$x : y : z = 3 : 1 : 2$

Calon dapat menukar kepada asas yang sama dan membandingkan indeks. Seterusnya, calon dapat mencari nisbah $x : y : z$.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

(a) $2^x = 8^y = \sqrt{2^{3z}}$	$x : y : z$
$2^x = 2^{3y} = 2^{3z(\frac{1}{2})}$	$1 : 3 : \frac{3}{2}$
$x = 3y = \frac{3}{2}z$	$2 = 6 : 3$

Calon dapat menukar kepada asas yang sama tetapi calon membuat kesilapan dalam mencari nisbah $x : y : z$.

Soalan 9 (b)

(b) Diberi bahawa $9^{2pq+1} + 3^{4pq-3} = 732$, ungkapkan p dalam sebutan q .

Given that $9^{2pq+1} + 3^{4pq-3} = 732$, express p in terms of q .

Calon dikehendaki mengungkapkan p dalam sebutan q .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} \text{b) } 9^{2pq+1} + 3^{4pq-3} &= 732 \\ 3^{2(2pq+1)} + 3^{4pq-3} &= 732 \\ 3^{4pq+2} + 3^{4pq-3} &= 732 \\ 3^{4pq}(3^2 + 3^{-3}) &= 732 \\ 3^{4pq}\left(\frac{244}{27}\right) &= 732 \\ 3^{4pq} &= 81 \\ 3^{4pq} &= 3^4 \\ \text{Compare} \\ 4pq &= 4 \\ pq &= 1 \\ p &= \frac{1}{q} \end{aligned}$$

Calon dapat menukar kepada asas yang sama. Kemudian, calon mempermudah ungkapan indeks dengan menggunakan hukum hasil darab dan hukum hasil bahagi. Seterusnya, calon mengungkapkan p dalam sebutan q .

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} (b) \quad & 3^{2pq+1} + 3^{4pq-3} = 732 \\ & 3^{2(2pq+1)} + 3^{4pq-3} = 732 \\ & 3^{4pq+2} + 3^{4pq-3} = 732 \\ & \log_{10} 3^{4pq+2} + \log_{10} 3^{4pq-3} = \log_{10} 732 \\ & (4pq+2) \log_{10} 3 + (4pq-3) \log_{10} 3 = \log_{10} 732 \\ & \log_{10} 3 [(4pq+2) + (4pq-3)] = \log_{10} 732 \\ & (4pq+2) + (4pq-3) = \frac{\log_{10} 732}{\log_{10} 3} \\ & 4pq+2 + 4pq-3 = 6.0037 \\ & 4pq = 6.0037 - 2 + 3 \\ & 4pq = 7.0037 \\ & p = \frac{7.0037}{4q} \end{aligned}$$

Calon tidak dapat menggunakan konsep logaritma untuk menyelesaikan $3^{4pq+2} + 3^{4pq-3} = 732$.

Soalan 9 (c)

(c) Cari nilai bagi $\frac{1}{\log_a ab} + \frac{1}{\log_b ab}$.

Find the value of $\frac{1}{\log_a ab} + \frac{1}{\log_b ab}$.

Calon dikehendaki mempermudah ungkapan algebra yang melibatkan logaritma.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

$$\begin{aligned} &= \frac{1}{\left(\frac{\log_{ab} ab}{\log_{ab} a}\right)} + \frac{1}{\left(\frac{\log_{ab} ab}{\log_{ab} b}\right)} \\ &= \frac{\log_{ab} a}{\log_{ab} ab} + \frac{\log_{ab} b}{\log_{ab} ab} \\ &= \frac{\log_{ab} a + \log_{ab} b}{\log_{ab} ab} \\ &= \frac{\log_{ab} ab}{\log_{ab} ab} \\ &= 1 \end{aligned}$$

Calon dapat mencari nilai bagi ungkapan algebra yang melibatkan logaritma dengan penukaran asas yang sama.

Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

$$\begin{aligned} \text{c) } &\frac{1}{\log_a ab} + \frac{1}{\log_b ab} \\ &= \frac{1}{\log_a ab} + \frac{1}{\frac{\log_a ab}{\log_a b}} \\ &= \frac{1}{\log_a ab} + \frac{\log_a b}{\log_a ab} \\ &= \frac{\log_a b + 1}{\log_a ab} \end{aligned}$$

Calon berupaya menukar asas tetapi tidak berjaya untuk mencari nilai bagi ungkapan algebra yang melibatkan logaritma.

Soalan 10 (a)(i)

10 Penyelesaian yang menggunakan selain daripada kalkulus adalah **tidak** diterima.

Solutions using other than calculus are not accepted.

- (a) Pada hari Ahad, Mus membeli sejumlah bola berbentuk sfera dengan jejari 5 cm. Beberapa biji bola itu akan disusun sebaris di atas sebuah rak yang panjangnya 2.5 m. Pada hari Isnin, isi padu setiap bola itu menyusut secara seragam sebanyak $20\pi \text{ cm}^3$.

Tentukan bilangan maksimum bola yang boleh disusun di atas rak itu pada hari Isnin. [4 markah]

On Sunday, Mus bought a number of spherical balls with radius 5 cm. Some of the balls will be arranged in a single line on a rack with length 2.5 m. On Monday, the volume of each ball decreased uniformly by $20\pi \text{ cm}^3$.

